

Benih padi IS21 tingkat hasil tuaian 67 peratus

UM - 21/11/2021 m/s = 3

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

SEKINCHAN: Inovasi Agensi Nuklear Malaysia menghasilkan benih padi varian baharu IS21 yang dijangka mampu meningkatkan hasil tuaian sehingga 67 peratus atau sembilan tan pengeluaran bagi setiap hektar kawasan penanaman.

Kos penanaman varian tersebut juga mampu mengurangkan penggunaan baja dan racun sehingga 20 peratus.

Perdana Menteri berkata, inovasi benih itu adalah komitmen kerajaan untuk memastikan sumber makanan itu terjamin, selamat dan mencukupi.

“Kerajaan berusaha ke arah mencari kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi dan beras.

“Beberapa keistimewaan varieti IS21 ialah berdaya tahan terhadap cuaca tidak menentu dan mengurangkan penyakit padi,” kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Benih Padi di sini semalam.

Kata Perdana Menteri, per-



ISMAIL Sabri Yaakob melakukan gimik pelancaran benih padi varieti baharu pada Majlis Pelancaran Benih Padi IS21 di Loji Pengeluaran Benih Asas dan Tapak Penyelidikan Benih Padi di Sekinchan, Sabak Bernam semalam.

mintaan ke atas makanan global dijangka meningkat pada 2050 susulan peningkatan penduduk dunia kepada 9.7 bilion seperti dilaporkan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Namun, perubahan iklim dijangka menyumbang kepada masalah kekurangan bekalan makanan dunia.

“Malah mutakhir ini, kesan perubahan iklim dirasai dengan pendapatan golongan dalam sektor pertanian terjejas akibat pengurangan hasil,” kata beliau.